

06/10/2003

Khaled juara show jumping

Mohd Ali Majid

KHALED Al Eid dari Arab Saudi muncul sebagai juara show jumping KL Grand Prix 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil semalam.

Dalam kejohanan bertaraf lima bintang dan menawarkan hadiah paling lumayan berjumlah RM1 juta itu, Khaled mengetepikan cabaran 28 peserta termasuk jaguh nombor satu dunia, Markus Fuchs dari Jerman dan pemenang emas Olimpik Sydney 2000, Jaroen Dubbeldam dari Belanda.

Dengan menunggang Al-Riyad, Khalid yang juga penunggang nombor satu di Timur Tengah melakukan lompatan bersih dalam sesi jump-off dengan catatan masa 35.67 saat.

Sesi ini disertai oleh sembilan penunggang setelah melepasi saingan kelayakan dengan Khalid membuat lompatan bersih halangan ketinggian 1.60m dengan mencatat masa terbaik 61.09 saat.

Khaled, 35, berkata dia tidak menduga mencatat kejayaan terbesar dalam kejohanan ini dan berterima kasih kepada Al Riyad kepunyaan abangnya dan bersamanya sejak dua bulan lalu.

"Kejohanan ini cukup mencabar lebih-lebih lagi dengan kehadiran bintang-bintang ternama dunia dan saya gembira kerana melakukan di Asia," katanya.

Setelah memenangi kejuaraan ini dia akan memberi tumpuan untuk bersaing di Olimpik 2004 Athens tetapi belum pasti sama ada Al Riyad turut bersamanya.

Khaled adalah pemenang pingat gangsa di Olimpik Sydney 2000.

Tempat kedua dimenangi oleh penunggang Britain, John Whitaker yang menunggang Lord Z dengan catatan masa 35.82 saat.

Dalam saingan kelayakan, pemenang perak Olimpik 1984 Los Angeles ini mencatat masa 63.00 saat.

Pemenang ketiga ialah penunggang Belanda, Piet Raymaker yang menunggang Van Schindel `s Kris dengan catatan 36.12 saat dan 61.43 saat pada saingan kelayakan.

Kejayaan semalam membolehkan Khaled menerima hadiah RM350,000, sementara Whitaker (RM220,000) dan Raymaker menerima RM160,000 yang disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut sama menyaksikannya.

Jaguh negara, Qabil Ambak dan Syed Omar Almohdzar turut mengadu nasib semalam.

Syed Omar yang mendapat nasihat Khaled menjelang kejohanan dan menunggang Maloubet berjaya menamatkan lompatan di pusingan kelayakan dengan catatan masa 63.73 saat.

Bagaimanapun dia gagal ke saingan jump-off kerana dikenakan denda empat penalti kerana menjatuhkan halangan kedua.

Sementara Qabil gagal menamatkan lompatan saingan kelayakan apabila kudanya Opium Metado enggan meneruskan pada halangan ketiga dan keempat.

Seorang lagi peserta dari Asia ialah penunggang Jepun, Ryuma Hirota yang menunggang Zero terkeluar dari saingan kerana dikenakan 16 mata penalti.

Syed Omar berkata ini adalah kejayaan terbesar baginya kerana buat julung kali menghabiskan lompatan pada ketinggian 1.60m dan dilakukan di negara sendiri.